

Dr. M: Teori 'domino' karut semata2

Pemikiran telah bertukar



DATUK SERI DR. MAHATHIR

STOCKHOLM, Selasa — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad memberitahu pelabur-pelabur Sweden bahawa Malaysia dan rakan-rakan ASEAN yang lain tidak mempercayai teori domino yang disifatkannya sebagai "karut semata-mata".

Timbalan Perdana Menteri berkata teori tersebut tidak lagi boleh dipakai kerana pemikiran telah bertukar. Negara-negara seperti Malaysia dan negeri Thai sudah tentu akan menentang jika diserang.

Bellau menyatakan

demikian ketika berucap dalam majlis dialog seminar pelaburan di sini kelmarin.

Seorang peserta telah bertanya beliau sama ada selamat untuk melabur di Malaysia memandangkan kemenangan komunis di Indochina. Peserta itu ingin tahu pandangan Malaysia tentang teori domino.

Timbalan Perdana Menteri berkata beliau tidak fikir Vietnam akan melanggar negeri Thai, Malaysia, Indonesia atau Filipina — konsep menakluki sesebuah negara secara peperangan tentera juga telah usang.

Katanya adalah sukar bagi vietnam untuk menggalakkan rakyat dalam negara-negara tersebut untuk menumbangkan kerajaan yang ada dan menubuhkan kerajaan yang sesuai dengannya kerana rakyat negara-negara tersebut tidak mahu diperintah oleh komunis.

Lebih jauh lagi, negara-negara ini boleh mempertahankan dirinya.

Mengenai kegiatan komunis di Malaysia, beliau berkata ia dapat mengawal masalah itu.

"Kami mempunyai pengganas komunis tetapi anda boleh berjalan ke mana saja di Malaysia — mungkin lebih selamat di Malaysia berbanding dengan kebanyakan negara di Eropah," tambahnya.

Mengenai ASEAN, Dr. Mahathir berkata anggota-anggota pertubuhan itu telah mencapai kejayaan besar dalam bidang kerjasama.

Bellau menjemput usahawan-usahawan perindustrian Sweden melabur di negara-negara ASEAN memandangkan potensi pasarannya.

Katanya negara-negara ASEAN telah bersetuju memberikan tarif istimewa kepada kira-kira

2,300 item eksport dalam ASEAN. Beliau menyebut industri automotive sebagai satu bidang yang boleh disertai oleh pelabur-pelabur Sweden.

Mengenal kurangnya kemajuan yang dicapai oleh ASEAN seperti yang didakwa oleh setengah pihak, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata ASEAN telah mencapai kejayaan besar memandangkan latarbelakang yang berbeza.

Kejayannya tidaklah seperti yang dicapai oleh EEC, tetapi EEC pun bukanlah mencapai kejayaan sepenuhnya," teganya.

Datuk Seri Dr. Mahathir dan anggota-anggota rasmi rombongan Malaysia di seminar itu juga ditanya mengenai Dasar Ekonomi Baru dan keadaan hubungan perindustrian di negara ini.

Kecekapan

Sebelum itu, Encik Lars Edmark, Naib Presiden Kanan Pemasaran L. M. Ericsson yang mempunyai sebuah kilang di Shah Alam berkata Malaysia mempunyai kecekapan pekerja 100 peratus mengikut piawai Sweden.

Katanya kadar tidak hadir kerja adalah rendah, kira-kira tiga peratus — jauh lebih rendah dari di Sweden.

Katanya kos buruh di negara ini juga rendah dibandingkan dengan negara-negara Eropah lain.

Katanya, oleh kerana iklim pelaburan yang baik di Malaysia, syarikat itu akan menambah modal sahamnya dari \$3 juta ke \$20 juta atau \$25 juta pada masa depan.

Sambutan kepada seminar itu, adalah menggalakan, demikian menurut pegawai-pegawai MIDA. — Bernama.

No Siri 2204
No Penerimaan 380/82

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia